



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9370
Faks : 03-8888 6671
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-10/22/6 Jld.76 (90)
Tarikh : 19 Oktober 2018

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN KEPADA KEPATUHAN ARAHAN DAN SURAT PEKELILING
PERKHIDMATAN, SURAT PEKELILING IKHTISAS, DAN SURAT SIARAN BERKAITAN
LARANGAN KEPADA PERKARA BERIKUT:**

1. PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) MENGAJAR DI KELAS PRASEKOLAH;
2. PEMBANTU MAKMAL MENJALANKAN TUGAS PERKERANIAN;
3. MELAKSANAKAN PEPERIKSAAN BERPUSAT;
4. MENGUTIP WANG/YURAN BAGI TUJUAN PEPERIKSAAN BERPUSAT; DAN
5. PENGGUNAAN BUKU KERJA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati terdapat aduan dan bukti yang jelas menunjukkan amalan seperti senarai di atas masih diteruskan di sekolah KPM. Perkara ini menimbulkan reaksi negatif daripada masyarakat dan oran ramai.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan perkara sedemikian tidak lagi menjadi amalan dalam kalangan pegawai di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan serta akur kepada arahan pentadbiran seperti berikut:

Bil.	Rujukan Arahan / Punca Kuasa	Catatan
1.	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2003 bertarikh 8 November 2003: Skim Perkhidmatan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;	Pembantu Pengurusan Murid
2.	Surat pemakluman Senarai Tugas Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah-Sekolah Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 24 November 2016;	Pembantu Pengurusan Murid
3.	Penghuraian Tugas Pembantu Makmal Sekolah, Kolej Matrikulasi dan Intitut Pendidikan Guru Malaysia berkuat kuasa 2 Mei 2013	Pembantu Makmal
4.	Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 20 Tahun 2012 bertarikh 27 Jun 2012 : Pelaksanaan Perakuan Jawatankuasa Khas Menangani Is Beban Tugas Guru Tahun 2012;	Peperiksaan Setara
5.	Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/2007 bertarikh 27 Jun 2012: Pemansuhan Yuran Khas dan Garis Panduan Sistem Pakej Bayaran Tambahan Kepada Perkhidmatan dan Kemudahan di Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan	Kutipan bayaran khusus termasuk pelaksanaan peperiksaan setara / berpusat
6.	Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 14 Tahun 2014 bertarikh 4 September 2014 : Panduan Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah	Penggunaan buku kerja

PERINGATAN KEPADA KEPATUHAN ARAHAN DAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN, SURAT PEKELILING IKHTISAS, DAN SURAT SIARAN BERKAITAN LARANGAN KEPADA PERKARA BERIKUT:

1. PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) MENGAJAR DI KELAS PRASEKOLAH;
2. PEMBANTU MAKMAL MENJALANKAN TUGAS PERKERANIAN;
3. MELAKSANAKAN PEPERIKSAAN BERPUSAT;
4. MENGUTIP WANG/YURAN BAGI TUJUAN PEPERIKSAAN BERPUSAT; DAN
5. PENGGUNAAN BUKU KERJA

Ruj. Kami : KPM.600-10/22/6 Jld.76(90)

Tarikh : 19 Oktober 2018

...3. Bersama-sama ini disertakan Surat Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Ikhtisas Dan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkaitan untuk maklumat dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan selanjutnya.

4. Jasa baik dan pertimbangan YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan adalah dimohon untuk **memaklumkan jabatan/pejabat pendidikan daerah/sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk / Datin/ tuan / puan akan peringatan tersebut.** Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan, berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



SHAARI BIN OSMAN

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

/KU/UPD/SPDK/OKT/2018